

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 March 2015

Dr Mahathir bantah asing klinik, farmasi

Serdang: Tun Dr Mahathir Mohamad membantah cadangan mengasingkan fungsi klinik dan farmasi kerana menyifatkan ia tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia.

Bekas Perdana Menteri berkata, cadangan itu akan menyusahkan rakyat kerana klinik dibuka hampir 24 jam atau sehingga larut malam, manakala kebanyakan farmasi dibuka waktu tertentu saja.

Menyusahkan rakyat

“Cadangan berkenaan akan menyusahkan rakyat, sekiranya mereka pergi mendapatkan rawatan di klinik pada waktu malam dan selepas itu terpaksa berkejar ke farmasi membeli ubat.

“Apa akan terjadi sekiranya ada pesakit tidak dapat membeli ubat kerana kebanyakan farmasi dibuka pada waktu tertentu saja dan bukannya beroperasi 24 jam seperti klinik,” katanya kepada media selepas menyaksikan majlis perjanjian kerjasama di antara Universiti Perdana dan University of California, San Diego di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Canselor Universiti Perdana mengulas cadangan untuk mengasingkan fungsi klinik dan farmasi, sekiranya pindaan Dasar Ubat Negara (DUNAS) yang dibentang di Parlimen bulan ini, diluluskan.

Dr Mahathir meminta kerajaan mengekalkan amalan pemberian rawatan dan ubat-ubatan di klinik sekarang.